

Mahathir sedih kes bunuh pelajar meningkat

UM 6 JUL 2001
KUALA LUMPUR 5 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan rasa sedih dengan peningkatan kes-kes pembunuhan dan perkosaan kejam melibatkan pelajar-pelajar sekolah.

“Saya berasa sedih dengan banyak sangat kes seperti ini sekarang ni. Kita dapati masyarakat sekarang ni agak terlalu bebas,” katanya kepada pemberita selepas berdialog dengan para saintis pada Konvensyen Sains 2001, di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas peningkatan kes-kes pembunuhan, rogol dan rompakan membabitkan pelajar.

Dalam kes terbaru di Melaka semalam, seorang pelajar perempuan berusia 16 tahun dibunuh selepas diperkosa di Kampung Tersusun Koperasi RISDA, Serkam Darat.

Kejadian itu dipercayai berlaku sewaktu mangsa dalam perjalanan pulang dari sekolah ke rumahnya di kampung itu.

Dr. Mahathir berkata, dahulu anak-anak lebih dikawal oleh ibu bapa tetapi sekarang apa yang berlaku ialah semuanya ‘bebas’.

“Apa dia (pelajar) buat, ibu bapa tak tahu, guru pun tak tahu. Dan sekarang ini, ada banyak pengaruh jahat di sekeliling.

“Moral sekarang ini sudah runtuh banyak. Tidak begitu baik seperti dulu,” kata Perdana Menteri.

Terdahulu, ketika mengulas masalah dadah yang dibangkitkan oleh seorang peserta pada sesi dialog, Dr. Mahathir turut sedih kerana kebanyakan masalah sosial seperti ponteng sekolah dan kuliah kerap kali melibatkan orang Melayu.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berpendapat kurikulum agama Islam yang diajar tidak memberi penekanan yang cukup mengenai nilai-nilai murni.

“Ini (fardu ain) pun perlu buat tetapi kalau pelajaran agama dapat membangunkan peribadi yang cukup kuat, umat Islam akan menjadi kuat,” katanya.

Menurut beliau, penguatkuasaan undang-undang oleh kerajaan hanya bertindak sebagai faktor luaran sedangkan hasilnya bergantung kepada faktor dalaman yang datang daripada setiap individu itu sendiri.

Dr. Mahathir berpendapat jika anggapan bahawa dadah sesuatu yang jijik dapat dibangunkan menjadi budaya rakyat, beliau percaya dengan sendirinya penyalahgunaannya tidak akan menimbulkan masalah kepada negara.